

Pusat Tamhidi monopoli debat USIM

Nilai: Kejohanan Debat Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memasuki edisi ketujuh penganjurannya tahun ini menyaksikan Pusat Tamhidi dinobatkan sebagai juara keseluruhan sekali gus membawa pulang Piala Pusingan Naib Canselor.

Muncul johan kategori Bahasa Melayu dan naib

johan kategori Bahasa Inggeris, pendebat Pusat Tamhidi, Ikmal Jamaluddin turut dipilih sebagai Pendebat Terbaik pertandingan akhir kategori Bahasa Melayu.

Pertandingan akhir kategori Bahasa Melayu yang menemukan barisan pendebat Pusat Tamhidi selaku kerajaan dan Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) sebagai pembangkang



Barisan pemenang **Kejohanan Debat Piala Pusingan Naib Canselor** bersama dengan hadiah masing-masing.

mendebatkan usul 'Media Sosial Wajar Disekat'.

Kepetahan dan hujahan bernas pendebat muda Pusat Tamhidi membolehkan mereka muncul johan dan

FSU sebagai naib johan.

Barisan pelapis

Bagi kategori Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) muncul johan

menewaskan pendebat FSU manakala Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) mengungguli kategori Bahasa Inggeris menewaskan Pusat Tamhidi.

Kejohanan dianjurkan Kelab Debat USIM dengan kerjasama Unit Kepemimpinan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata kejohanan itu menjadi platform kepada universiti untuk mencari pelapis pendebat generasi baru yang berwibawa serta melahirkan lebih ramai pendebat berbakat yang mampu menaikkan nama USIM.

Katanya, ia turut membantu universiti agar tidak ketandusan legasi pendebat terbilang bagi meneruskan kecemerlangan mengharumkan nama universiti pada peringkat tempatan dan antarabangsa.